

Apabila anda lihat kod ini



1
Imbas kod dengan kamera telefon pintar atau aplikasi Kod QR



2
Kod QR menghubungkan kandungan multimedia (foto, video, web)



ASEAN masih relevan imbangi kuasa besar dunia

Negara anggota perlu perkukuh hubungan hadapi pengaruh luar



Phnom Penh

Hardi Effendi Yaacob
hardi@bh.com.my

Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan penubuhan ASEAN masih relevan dengan perkembangan semasa, terutama dalam mengimbangi pengaruh kuasa besar dunia.

Perdana Menteri berkata, dalam kalangan blok negara serantau di dunia, ASEAN antara yang masih 'hidup' dan terus makmur, sekali gus memberi impak positif kepada 10 negara anggotanya.

"ASEAN masih kekal relevan, namun hubungan dalam kala-

ngan negara anggota perlu sentiasa diperkukuhkan bagi memastikan kekal aktif dan mampu mendepani cabaran yang diwujudkan kuasa besar dunia," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi Dialog Mengimbangi Hubungan Kuasa Besar Dunia Dalam Konteks ASEAN di Royal University of Phnom Penh (RUPP), di sini sempena lawatan rasminya ke Kemboja bermula semalam.

Yang turut hadir, Menteri Luar, Datuk Saifuddin Abdullah; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Darell Leiking; Menteri di Jabatan Perdana Menteri Kemboja, Dr Chheam Reathy dan Rektor RUPP, Dr Chet Chealy.

Bersandarkan pemerhatiannya, Dr Mahathir berkata, ASEAN memperlihatkan pembangunan pesat sejak ditubuhkan dan mencatatkan banyak kemajuan yang berpotensi besar dalam meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi negara anggotanya.

Malah, beliau menegaskan kesepakatan dalam kalangan negara anggota sebagai asas kekuatan ASEAN untuk diberikan tumpu-

an pada peringkat global, khusus bagi mengimbangi pengaruh kuasa besar dunia.

"Kita hanyalah negara kecil jika bergerak sendiri. Atas sebab itu, kita bergerak dalam gabungan atau kumpulan negara serantau untuk membolehkan suara kita didengari dan diberikan perhatian," katanya.

Lebih 700 peserta terdiri daripada anggota Kabinet Kemboja, perwakilan asing, tokoh akademik dan pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyertai sesi dialog berkenaan.

Dr Mahathir turut menyatakan 'Semangat ASEAN' berada pada landasan tepat ke arah usaha mewujudkan wilayah ekonomi yang berdaya maju dan makmur.

"Berbanding kumpulan negara serantau lain, ASEAN bukan saja boleh bekerjasama, malah tiada masalah dalam kalangan negara anggotanya. Ini yang menjadi kelebihan kepada ASEAN hingga dikagumi kuasa besar dunia," katanya.

Malah, gabungan ASEAN perlu kekal bagi membantu negara anggotanya mendepani sebarang situasi sukar yang berlaku susulan perang dagang memabitkan kuasa besar dunia seperti China dan Amerika Syarikat (AS).

Pada akhir sesi dialog itu, Dr Mahathir turut mengalu-alukan negara anggota ASEAN meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) mereka dalam pelbagai sektor dan industri di Malaysia.

"Namun, kita tidak boleh membiarkan pelaburan itu tidak dimonopoli negara tertentu. Kita perlu melindungi kepentingan negara. China ada duit, ada kepakaran. Namun, kita berpendirian perlu ada langkah kawalan supaya ekonomi kita tidak didominasi," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut dianugerahkan Anugerah Fellowship Kehormat RUPP bagi mengiktiraf kepemimpinan beliau memacu pembangunan dan sosioekonomi negara yang turut memberi kesan positif terhadap kemajuan serantau.

Ia juga bagi mengiktiraf pen-



Dr Mahathir tiba pada Sesi Dialog Mengimbangi Hubungan Kuasa Besar Dunia Dalam Konteks ASEAN di Royal University of Phnom Penh sempena lawatan rasmi ke Kemboja bermula semalam. (Foto bernama)

"Kita hanyalah negara kecil jika bergerak sendiri. Atas sebab itu, kita bergerak dalam gabungan atau kumpulan negara serantau untuk membolehkan suara kita didengari dan diberikan perhatian."

Dr Mahathir Mohamad,
Perdana Menteri

capaian luar biasa beliau yang kembali menerajui pentadbiran Malaysia, termasuk memperkalkan dasar pentadbiran bersih dan berintegriti hingga dikagumi Kerajaan Kemboja.

Terdahulu, Mahathir tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Phnom Penh, di sini pada jam 9.35 pagi semalam (waktu tempatan) bagi memulakan lawatan rasmi tiga hari ke Kemboja.

Ketibaan Dr Mahathir bersama isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, disambut Menteri Tugas Tugas Khas Kemboja, Datuk Dr Othman Hassan selaku menteri pengiring.

Lawatan Perdana Menteri atas jemputan rakan sejawatnya, Hun Sen yang mengagumi kepemimpinan beliau dalam memacu pemodenan Malaysia, terutama dalam konteks pembangunan dan sosioekonomi.

Ia juga bagi menyelesaikan beberapa isu berkaitan hubungan Malaysia-Kemboja, termasuk bagi

memuktamadkan Perjanjian Pengecualian Cukai Berganda (DTA), sekali gus meningkatkan prestasi dagangan antara ke dua-dua negara.

Ini juga menjadikan Kemboja sebagai negara ASEAN terakhir menandatangani perjanjian itu dengan Malaysia.

Perdana Menteri cukup dikagumi masyarakat Islam di negara ini atas peranan aktif beliau dan Kerajaan Malaysia sendiri dalam mendukung agenda pembangunan sosioekonomi komuniti itu.

Hari ini, Dr Mahathir dijadualkan melawat Tugu Peringatan Kemerdekaan Kemboja, seterusnya diberikan sambutan negara di Peace Palace, disusuli mesyuarat dua hala bersama Hun Sen di pejabatnya.

Kedua-dua pemimpin kemudian akan menyaksikan Majlis Menandatangani DTA dan Memorandum Persefahaman (MoU) Kerjasama Pelancongan Malaysia-Kemboja sebelum mengeluarkan kenyataan bersama mengenai hasil pertemuan mereka.

Dengan populasi mencecah 16.5 juta penduduk, Kemboja adalah rakan dagang kelapan terbesar Malaysia pada peringkat ASEAN dengan nilai perdagangan kedua-dua negara merekodkan RM17.8 bilion sepanjang enam bulan pertama tahun ini.

Selain petroleum, eksport terbesar Malaysia ke negara ini ialah produk kimia dan elektronik, manakala sebahagian besar pelaburan bertumpu kepada sektor hartanah serta perhotelan.

Dr Mahathir turut dijadual mengadakan pertemuan bersama pemain industri dan komuniti perniagaan Malaysia di Phnom Penh sebelum mengakhiri lawatan beliau.